

Apa itu rogol?

Rogol adalah satu jenayah keganasan yang berbentuk seksual. Dari sudut undang-undang, rogol adalah satu perbuatan memasukkan zakar lelaki ke dalam faraj anda tanpa kehendak atau kerelaan anda. Jika anda di bawah umur enam belas tahun, seks samada dengan kerelaan atau tanpa kerelaan anda adalah dianggap rogol dan menjadi satu kesalahan undang-undang.

Lain-lain jenayah yang melibatkan keganasan seksual

Liwat, persetubuhan di luar tabi'i secara paksa, memasukkan objek ke dalam faraj, mulut atau dubur, mungkin lebih menyayatkan hati anda atau lebih bersifat ganas, tetapi ianya tidak dianggap rogol dari segi undang-undang. Walau bagaimanapun, perbuatan ini boleh dianggap jenayah seperti mencabul kehormatan, melanggar kesopanan, seks di luar tabi'i dan percubaan merogol.

Rogol itu . . .

- **BUKAN** seks. Ia adalah satu keganasan. Perogol menggunakan kekerasan untuk menguasai dan mengancam anda. Seks diperlakukan sebagai senjata untuk menjatuhkan maruah anda. Rogol merupakan cetusan rasa keganasan, kemarahan dan kuasa bertujuan untuk menyakitkan dan memalukan anda.
- **BUKAN** salah anda. Anda tidak menggalakkan rogol berlaku. Anda tidak minta dirogol dengan memakai pakaian yang seksi atau beraksi seksi. Kelakuan seorang wanita tidak memberi hak kepada seorang lelaki untuk merogolnya.

- **BUKAN** dilakukan oleh orang yang tidak dikenali sahaja. Kebanyakan wanita mengenali perogol. Perogol itu mungkin jiran anda, kawan, teman lelaki, ahli keluarga atau mempunyai tali persaudaraan dengan anda.
- **BUKAN** hanya terjadi pada wanita yang muda. Kanak-kanak, wanita tua dan dari pelbagai latar belakang juga dirogol.
- **BUKAN** sesuatu yang terjadi pada waktu malam dan di tempat-tempat yang sunyi sahaja. Rogol boleh terjadi tanpa mengira masa, malam atau siang. Rogol juga boleh terjadi "di tempat yang selamat" seperti di rumah, sekolah dan di tempat kerja. Rogol boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Jika anda di rogol
Jangan bersihkan diri atau tukar pakaian. Tindakan pertama anda mungkin untuk mencuci tubuh anda. Tetapi adalah amat penting bagi anda mendapatkan pemeriksaan perubatan sebelum membersihkan tubuh anda. Air mani dan darah, lumpur, sisa-sisa, sirat, rambut, dan pakaian adalah merupakan satu bukti.

Dapatkan seorang kawan.

Minta pertolongan dari seorang kawan yang dapat memberi sokongan untuk menemani anda ke hospital dan balai polis. Adalah traumatik untuk mengimbas kembali secara terperinci kejadian rogol itu kepada doktor dan polis.

Pergi ke hospital dengan segera untuk mendapatkan pemeriksaan perubatan.

Kakitangan hospital akan bertindak memberitahu polis. Laporan polis boleh dibuat di hospital. Anda juga boleh memilih untuk membuat laporan di balai polis. Jika anda pergi ke balai polis terlebih dahulu, seorang polis wanita akan menemani anda ke hospital.

Di hospital

Pertama sekali anda akan diberi borang bagi mendapatkan kebenaran anda untuk membuat pemeriksaan dan untuk hasil pemeriksaan digunakan oleh polis dalam penyiasatan. Doktor akan memeriksa anda, dan bahagian kemaluan anda. Pakaian anda juga akan diperiksa.

Penyiasatan polis

Selepas laporan polis, seorang polis wanita (pegawai penyiasat) akan ditugaskan untuk menyiasat kes anda. Satu pernyataan yang lengkap akan diambil. Anda juga mungkin akan diminta untuk menghadiri kawat cam (identification parade) untuk mengesahkan orang yang dituduh merogol anda.

Nota: Undang-undang di Malaysia tidak mengiktirafkan rogol dalam perkahwinan.

Selepas penyiasatan polis

Kerajaan melalui Timbalan Pendakwa Raya (TPR), bertanggung jawab untuk mendakwa kes anda. Berdasarkan kepada bukti-bukti kes anda, TPR akan memutuskan samada untuk mendakwa atau tidak. Jika tidak terdapat bukti yang lengkap, TPR tidak akan mendakwa kes ini.

Proses di mahkamah

Anda sebagai pengadu diperlukan untuk memberi keterangan di mahkamah sebagai saksi. Anda tidak perlukan peguam, tetapi boleh mendapat perkhidmatan peguam sendiri yang akan bertindak sebagai pemerhati (watching brief) untuk memberi sokongan tambahan kepada anda sebelum dan semasa perbicaraan. Bila anda memberi keterangan terperinci berhubung kejadian rogol, mahkamah boleh memerintahkan orang awam meninggalkan mahkamah. Ini dikenali sebagai perbicaraan tertutup (*in camera*).

Hukuman kesalahan merogol

Seksyen 376 Kanun Jenayah menetapkan bahawa sesiapa yang melakukan jenayah rogol akan di hukum penjara selama masa tidak kurang lima tahun dan tidak lebih dua puluh tahun, dan juga dikenakan hukum dengan sebatan.

MEMANTAPKAN SEMANGAT DIRI

Jika anda pernah dirogol, anda mungkin akan mengalami rasa marah, kecewa, takut, bimbang, gementar, rasa bersalah, dan malu. Anda mungkin juga kelihatan tenang dan tenteram atau akan mengasingkan diri untuk beberapa hari. Reaksi ini adalah normal.

Ingat, rogol adalah perbuatan jenayah yang dilakukan ke atas anda. Rogol bukan salah anda. Anda mungkin akan merasa lega jika berbincang tentang perasaan anda dengan seseorang yang anda percaya. Atau anda boleh menghubungi Pusat Kesedaran Wanita untuk mendapatkan bantuan.

Nombor-nombor talipon yang penting

Pusat Kesedaran Wanita	04-228 0342
Biro Bantuan Guaman	04-262 3563
Pusat Penasihat Guaman	04-261 7451
Hospital Besar	04-229 3333
Jabatan Kebajikan Masyarakat	04-650 5258

JABATAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

• Pulau Pinang (Ibu Pejabat)	04-222 1522
• Jelutong	04-282 5922
• Bayan Lepas	04-643 0311
• Pulau Tikus	04-228 0422
• Sungai Nibong	04-643 0222
• Air Itam	04-826 8522
• Butterworth	04-332 2222
• Bukit Mertajam	04-538 2222

PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT

Pejabat Kebajikan Masyarakat

Daerah Timur Laut
Kompleks Masyarakat Penyayang
Jalan Utama, 10400 Pulau Pinang
Tel: 04-226 4531 / 227 7413

Pejabat Kebajikan Masyarakat

Daerah Barat Daya
No: 4-2-1, Kompleks Balik Pulau
Jalan Quah Sin Kheng, 11000 Balik Pulau
Pulau Pinang • Tel: 04-866 8442

Pejabat Kebajikan Masyarakat

Daerah Seberang Perai Utara
12000 Butterworth • Tel: 04-331 3455

Pejabat Kebajikan Masyarakat

Daerah Seberang Perai Tengah
99 Jalan Bunga Raya, 14000 Bukit Mertajam
Tel: 04-538 2584

Pejabat Kebajikan Masyarakat

Daerah Seberang Perai Selatan, Kompleks
Pejabat-Pejabat Kerajaan, 14200 Sungai Jawi, S.P.S.
Tel: 04-582 1798

PUSAT KESEDARAN WANITA

*PKW memberi bantuan
yang berikut*

**Kaunseling dan
sokongan emosi**

**Menemani anda ke hospital
dan ke balai polis**

Nasihat guaman

**Rumah perlindungan
sementara**

*Perkhidmatan PKW
adalah percuma dan sulit!*



**Pusat Kesedaran Wanita
(Women's Centre for Change)**
24-D Jalan Jones
10250 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-228 0342
Tel / Fax: 04-228 5784
E-mail: wccpen@po.jaring.my
Website:
www.wccpenang.org



PUSAT KESEDARAN WANITA
Women's Centre for Change

*Pusat Kesedaran Wanita (PKW)
menyediakan satu siri risalah
untuk melengkapi anda
tentang hak-hak anda.*



ROGOL

BUKAN SALAH ANDA!

**Pusat Kesedaran Wanita
(Women's Centre for Change)**

Dahulu dikenali sebagai Pusat Krisis Wanita

24-D Jalan Jones, 10250 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-228 0342 • Fax: 04-228 5784
E-mail: wccpen@po.jaring.my
Website: www.wccpenang.org